

09/10/2003

China, India setuju tidak guna ancaman nuklear

DENPASAR: China dan India - dua kuasa nuklear Asia, semalam menandatangani Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama Asean (TAC), dokumen yang mengikat kedua-dua negara itu daripada menggunakan ancaman atau kekuatan tentera terhadap negara anggota lain.

Prinsip utama TAC ialah negara anggota tidak boleh menggunakan sebarang kekerasan ketenteraan, menghormati kedaulatan dan wilayah setiap negara anggota, tidak campur tangan dalam hal ehwal domestik negara lain dan penyelesaian secara aman sebarang konflik.

Ini kali pertama dua negara di luar Asean diterima menjadi ahli TAC.

Keputusan China dan India untuk menjadi ahli TAC bersama 10 negara Asean, menunjukkan kedua-dua berkenaan menerima konsep TAC sebagai 'kod etika' untuk mengekalkan keamanan dan kestabilan serantau.

Pada majlis itu, China diwakili oleh Menteri Luarnya, Li Zhaoxing manakala India oleh Menteri Luarnya, Yeshwant Sinha. Perdana Menteri India, Atal Bihari Vajpayee dan Perdana Menteri China, Wen Jiabao menyaksikan peristiwa bersejarah itu bersama 10 ketua negara Asean.

China turut menandatangani Deklarasi Bersama Asean-China Bagi Perkongsian Strategik Ke Arah Keamanan dan Kemakmuran manakala India menandatangani Perjanjian Rangka Kerja Perkongsian Ekonomi Komprehensif.

Pada sebelah pagi dan petang, ketua negara Asean turut menyertai Sidang Kemuncak Asean+1 dengan China, Jepun, Korea Selatan dan India secara berasingan.

Russia yang turut menawarkan diri menyertai TAC, dijangka menandatangani untuk menjadi ahlinya ketika mesyuarat peringkat menteri Asean yang akan diadakan di Jakarta pada Julai tahun depan.

Mengulas mengenai penyertaan kedua-dua negara itu dalam TAC, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, ia mengukuhkan hubungan Asean dengan kedua-dua negara yang mempunyai penduduk yang ramai.

"Dengan penduduk Asean berjumlah 500 juta manakala China serta India 2.4 bilion sudah membuka peluang meluas untuk kegiatan perdagangan. Penyertaan mereka menunjukkan komitmen mereka terhadap keamanan dan dengan ini sekurang-kurang rantau ini menjadi aman.

"Ketua-ketua negara Asean positif penyertaan China dan India akan mewujudkan keamanan berkekalan di rantau ini," katanya pada sidang akhbar selepas berakhir Sidang Kemuncak Asean Ke-9 di sini, semalam.

Asean juga sudah mempelawa dua lagi rakan dialognya iaitu Jepun dan Korea Selatan untuk menyertai TAC, tetapi belum ada kata putus daripada dua negara berkenaan bila mereka akan berbuat demikian.

Perjanjian asal TAC ditandatangani pada sidang kemuncak pertama di Bali oleh lima negara pengasas Asean iaitu Malaysia, Indonesia, Filipina, Thailand dan Singapura pada 1976, diikuti kemudian oleh Brunei, Vietnam, Kemboja, Myanmar dan Laos.

TAC bertujuan menggalakkan keamanan, persahabatan berkekalan dan kerjasama di kalangan rakyatnya untuk menyumbang ke arah kekuatan, perpaduan dan persahabatan.

Di bawah TAC, sebuah Majlis Tertinggi peringkat menteri mewakili semua negara ditubuhkan untuk menyelesaikan melalui rundingan sebarang konflik sesama negara anggota berdasarkan kod peri laku yang sedia ada.

Bagaimanapun, sejak Majlis Tertinggi itu ditubuhkan pada 1976, ia tidak pernah bermesyuarat kerana tidak pernah timbul sebarang konflik di kalangan negara anggota.

Dalam kenyataannya, China memberi jaminan meningkatkan lagi kerjasama dengan Asean berikutan penyertaan dan TAC dan berjanji akan meneruskan rundingan untuk menyertai Perjanjian Zon Bebas Nuklear Asia Tenggara.